

Media Title : Sinar Harian
Headline : 25 kes hilang duit dalam bank angkara scammer
Date : 12 February 2024
Section : Negeri
Page : 29



25 kes hilang duit dalam bank angkara scammer

Daerah Kuala Terengganu catat kes tertinggi, 13 laporan diterima

Oleh NORHASPIDA YATIM
HULU TERENGGANU

Polis Terengganu menerima 25 laporan melibatkan kehilangan wang di dalam akaun simpanan dari pelbagai institusi kewangan dalam tempoh seminggu bermula 4 hingga 10 Februari lalu.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mazlan berkata, sebanyak 13 laporan diterima di Kuala Terengganu diikuti Besut (6), Dungun (4), serta

masing-masing satu laporan bagi daerah Kemaman dan Hulu Terengganu.

Menurutnya, mangsa membuat laporan polis setelah menerima khidmat pesanan ringkas (SMS) dari institusi kewangan masing-masing menunjukkan berlaku transaksi ke atas akaun mangsa.

"Mangsa disyaki menjadi mangsa *phishing* atau pautan yang mana di dalam pautan tersebut terdapat *android package file* (APK) dalam bentuk *malware*.

"Terdapat juga mangsa yang telah memberikan nombor kata laluan sekali guna (OTP) apabila diminta oleh scammer," katanya di sini pada Ahad.

Sehubungan itu, pihak polis menganjurkan masyarakat supaya tidak me-



MAZLI

nekan apa-apa pautan yang tidak dipastikan ke-sahihannya terutama yang mempunyai APK tidak sah.

"Apabila dimuat turun melalui sumber yang tidak dikenal pasti ber kemungkinan mempunyai *malware* atau virus yang boleh menyebabkan kehilangan data atau maklumat penting di telefon bimbit," katanya.

Sebelum ini polis menjelaskan kes kehilangan wang dalam akaun bank membabitkan beberapa individu melibatkan beberapa kawasan di Terengganu disebabkan oleh perbuatan scammer tiada kaitan dengan Sistem Pangkalan Data Utama (PADU).

Jelas beliau, daripada jumlah kes itu, sebanyak 21 kertas siasatan telah dibuka dengan jumlah kerugian sebanyak RM666,577.20.

